

**LAPORAN JAWATANKUASA
KIRA-KIRA WANG AWAM
NEGERI SELANGOR (*PAC*)
MENGENAI LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA
NEGERI SELANGOR
TAHUN 2008**

PENYATA JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI SELANGOR (PAC) MENGENAI
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA BAGI TAHUN 2008

KANDUNGAN

BIL	PERKARA	MUKASURAT
1.	Pendahuluan	2
2.	Rumusan Dan Syor-Syor Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam Negeri Selangor Bagi Tahun 2008	3
3.	Perakuan	16
4.	Senarai Ahli-ahli Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam Negeri Selangor Bagi Dewan Negeri Selangor Kedua Belas	17
5.	Urus setia	18
6.	Pegawai-pegawai Yang Turut Hadir Dalam Mesyuarat	19

PENDAHULUAN

Ahli Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam Negeri Selangor telah membuat pemeriksaan yang teliti ke atas Laporan Ketua Audit Negara Negeri Selangor bagi Tahun 2008 dengan memanggil beberapa Ketua Jabatan yang berkaitan bagi memberi penjelasan yang terperinci terhadap isu yang dibangkitkan dalam laporan tersebut. Jawatankuasa telah mengadakan mesyuaratnya sebanyak lima (5) kali bagi perbincangan tersebut:-

- i) Bil. 1, 21 Januari 2010
- ii) Bil. 2, 13 Mei 2010
- iii) Bil. 3, 01 Julai 2010
- iv) Bil. 4, 16 Disember 2010
- v) Bil. 1, 27 Januari 2011

Semasa membuat pemeriksaan tersebut, Jawatankuasa dibantu oleh Pengarah Audit Negeri Selangor yang turut memberi pendapatnya dan mengemukakan pertanyaan kepada Ketua Jabatan/ Pegawai yang telah dijemput hadir dalam Mesyuarat Jawatankuasa. Di samping itu, Timbalan Pegawai Kewangan Negeri Selangor, Bendahari Negeri Selangor, Timbalan Pengarah Jabatan Audit Negeri Selangor dan beberapa pegawai daripada Jabatan Audit Negeri Selangor turut hadir dalam mesyuarat ini.

Hasil daripada pemeriksaan yang dijalankan, Jawatankuasa telah membuat beberapa rumusan dan syor seperti yang terkandung dalam laporan ini.

**RUMUSAN DAN SYOR-SYOR
JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM
NEGERI SELANGOR BAGI TAHUN 2008**

Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri Selangor telah menimbang serta mengkaji segala jawapan yang diberi terhadap isu yang dibangkitkan. Hasil daripada pemeriksaan tersebut, Jawatankuasa berpendapat pada keseluruhannya telah ada peningkatan dan penambahbaikan walaupun terdapat beberapa kelemahan dalam aktiviti Jabatan Negeri Selangor bagi tahun 2008. Sehubungan itu, Jawatankuasa telah membuat rumusan dan syor seperti berikut:

1. Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2008 – Aktiviti dan Kajian Khas Jabatan/Agensi Kerajaan Negeri Selangor.

Jawatankuasa telah mengambil maklum daripada jabatan-jabatan berkaitan berhubung status terkini serta tindakan susulan terhadap teguran Audit. Jabatan-jabatan yang telah dipanggil memberikan taklimat adalah seperti berikut:-

Jabatan	Tarikh
i. Jabatan Pertanian Negeri Selangor – Pembangunan Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) Negeri Selangor.	21 Januari 2010
ii. Jabatan Pertanian Negeri Selangor – Pembangunan Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) Negeri Selangor. <i>(susulan)</i>	13 Mei 2010
iii. Jabatan Perhutanan Negeri Selangor – Pengurusan Hutan – Kepentingannya Kepada Alam Sekitar	
iv. Jabatan Agama Islam Negeri Selangor – Pengurusan Kelas Al-Quran dan Fardhu Ain (KAFA).	1 Julai 2010
v. Jabatan Perhutanan Negeri Selangor – Pengurusan Hutan – Kepentingannya Kepada Alam Sekitar	16 Disember 2010
vi. Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor – Projek Tebatan Banjir di Kawasan Shah Alam, Daerah Petaling	27 Januari 2011

2. Laporan Ketua Audit Negara – Aktiviti dan Kajian Khas Jabatan Negeri Selangor Tahun 2008.

2.1. Jabatan Pertanian Negeri Selangor

- Pembangunan Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) Negeri Selangor

Pengeluaran di sesuatu kawasan TKPM dipengaruhi oleh jenis atau kualiti tanah, keluasan tanah dan berapa orang yang mengusahakan kawasan tersebut. Perbezaan tanaman yang diusahakan turut mempengaruhi pendapatan pengusaha. Kajian ke atas kesesuaian tanah akan dilakukan untuk mengenalpasti ciri-ciri tanah samada gambut, berbukit atau bekas lombong. Untuk penerokaan yang melebihi 50 hektar, Jabatan Pertanian perlu mendapatkan Laporan EIA dari Jabatan Alam Sekitar.

Jawatankuasa mencadangkan agar laporan daripada Jabatan Alam Sekitar dan Jabatan Pengairan dan Saliran perlu diperolehi sekiranya melibatkan penerokaan tanah gambut kerana strukturnya yang tidak stabil dan boleh menimbulkan masalah lain yang memberi kesan terhadap penyelenggaraan dan pengeluaran tanaman.

Jawatankuasa dimaklumkan masalah banjir kerap berlaku di TKPM Sungai Panjang, Sabak Bernam. Oleh kerana itu hanya 5 peserta yang kebanyakannya merupakan penyertaan syarikat diambil untuk mengusahakan tanah ini. Jabatan Pengairan dan Saliran sebelum ini telah membuat ‘ban’ disekeliling kawasan ini dengan kos yang tinggi. Namun banjir tetap berlaku. Jabatan telah bercadang untuk menutup TKPM ini dan akan mendapatkan pandangan dan nasihat daripada Penasihat Undang-Undang untuk mengelakkan sebarang implikasi perundungan yang mungkin timbul. Jawatankuasa turut mencadangkan agar projek-projek yang tidak mendatangkan hasil dan melibatkan kos yang tinggi supaya ditutup.

Jabatan Pertanian perlu melihat kepada limitasi utama dan limitasi minor dan bagaimana untuk menghadapinya. Pemulihan tanah memakan masa yang lama dan jabatan berpendapat usaha-usaha pemulihan perlu dilakukan bersama-sama dengan kemasukan peneroka ke kawasan tersebut.

➤ **Projek Agro Pelancongan**

Jabatan Pertanian tidak menyelaraskan sebarang projek mempromosikan Agro-Pelancongan di TKPM bersama-sama Lembaga Pelancongan Negeri Selangor. Jawatankuasa mencadangkan agar

pada masa akan datang, usaha-usaha seperti ini perlu dilaksanakan dengan mengenalpasti TKPM yang boleh dijadikan perintis dalam projek ini.

Skim Amalan Ladang Malaysia atau SALM mengambil masa antara 6 bulan hingga setahun bagi proses pensijilannya. Antara yang dinilai termasuklah proses pemeriksaan ladang, verifikasi amalan ladang dan analisis hasil ladang. Peserta perlu melepassi 29 syarat wajib dan 76 syarat yang lain untuk lulus. Jabatan Pertanian turut melantik pembimbing untuk memberikan garis panduan kepada peserta untuk layak diberikan sijil disamping latihan turut diberikan di setiap kawasan.

Jawatankuasa mencadangkan supaya diadakan KPI dan dijadikan sebagai salah satu syarat untuk mendapatkan sijil tersebut. Jawatankuasa dimaklumkan terdapat 1 program di bawah TKPM yang bertujuan untuk memperbaiki dan meningkatkan tahap prestasi peserta iaitu sistem SPTP (Sistem perkembangan *techno* – pertanian).

➤ **Pewartaan Tanah**

Terdapat tanah di bawah Jabatan Pertanian yang masih belum diwartakan. Sekiranya tanah yang diusahakan merupakan tanah TOL, hasil tanah akan dibayar kepada Pejabat Tanah. Sekiranya tidak, Jabatan Pertanian sepatutnya mengutip hasil sewa. Jika tidak Kerajaan Negeri akan menanggung kerugian. Walaubagaimanapun saranan untuk mengutip kutipan tunggakan akan di bawa ke Jabatan Pertanian Negeri.

➤ **Kutipan Sewa dan Tunggakan**

TKPM Serdang adalah di bawah seliaan Kementerian Pertanian dan Jabatan Pertanian Negeri Selangor dibenarkan mengusahakan tanah tersebut tanpa bayaran sebaliknya pengusaha perlu membayar sewa kepada Kementerian. TKPM Hulu Yam merupakan tanah hak milik PNSB. PNSB telah meletakkan sewaan dengan kadar RM1200/hektar untuk setahun dan bayaran-bayaran ini dipersetujui oleh pengusaha.

Kerajaan Negeri Selangor melalui perjanjian MOU yang telah ditandatangani dengan Kementerian Pertanian, kadar yang dipersetujui ialah RM500/hektar dalam setahun berbanding RM1200 yang ditetapkan PNSB. Kadar ini merupakan yang tertinggi berbanding di negeri-negeri lain. Terdapat cadangan agar arahan secara ‘*administrative*’ dilakukan dari pihak Kerajaan Negeri dengan Jabatan Pertanian untuk menyelesaikan masalah pewartaan ini.

Jabatan Pertanian turut mengkaji kelebihan dan kelemahan yang ada di setiap TKPM, terutama dari segi akses kemudahan infrastruktur. Terdapat usaha-usaha untuk meningkatkan taraf di TKPM seperti menyediakan tandas awam dan kemudahan tempat meletak kereta. Peruntukan akan diperolehi daripada Kerajaan Pusat dan Jabatan Pertanian akan bekerjasama dengan Tourism Selangor untuk tujuan promosi. Y.B Tuan Hj. Yaakob Bin Sapari juga telah mengarahkan Jabatan Pertanian menyediakan kawasan pertanian yang *presentable* untuk tujuan promosi oleh Tourism Selangor.

Kaedah fertigasi memang mendapat sambutan daripada peserta. Walaupun peruntukannya agak terhad kerana 1 hektar kawasan fertigasi memakan kos hampir RM 1 juta jika dibandingkan dengan *open planting* yang hanya memerlukan sekitar RM30000. Kerajaan Pusat akan menanggung kos fertigasi, Jabatan pertanian akan menyediakan kemudahan *poli-bag* dan sistem pembajaan manakala peserta hanya perlu menanggung kos operasi sahaja bagi musim pertama.

Pada masa ini, TKPM telah bekerjasama dengan FAMA untuk urusan pemasaran produk, yang dipanggil '*contract farming*'. Dalam masa yang sama, terdapat juga syarikat-syarikat persendirian yang menawarkan kaedah pemasaran yang lebih baik dari segi harga yang ditawarkan. Ini disebabkan terdapat perbezaan di dalam pasaran yang diteroka.

Tuan Pengarah menjelaskan salah satu kriteria untuk pemilihan peserta ialah mereka perlu menyediakan kertas cadangan dan akan diminta untuk dibentangkan untuk penilaian Jabatan. Peserta akan dipilih berdasarkan kesesuaian tempat, kemampuan dari segi teknologi eksport dan sebagainya. Calon juga merangkumi pelbagai kaum, walaubagaimanapun, keutamaan diberikan kepada Anak Selangor.

Jawatankuasa mendapati sebahagian pengusaha TKPM tidak mengusahakan tapak TKPM sebaliknya mereka menyewakan kepada syarikat dan individu lain. JPNS diarahkan untuk menyiasat dan mengemukakan laporan.

Jawatankuasa berpeluang melihat sendiri 4 TKPM Negeri Selangor iaitu TKPM Bukit Changgang, TKPM Sungai Blankan, TKPM Hulu Yam dan TKPM Sungai Panjang. Susulan daripada lawatan tersebut Jawatankuasa mencadangkan agar menukar jenis tanaman supaya hasil dapat ditingkatkan. JPNS akan membuat penilaian semula pendapatan dan hasil berdasarkan faktor teknologi dan peserta. Jabatan dalam usaha untuk mentransformasikan TKPM ke arah

penstrukturkan semula jenis tanaman dan melibatkan penggunaan teknologi tinggi.

Jawatankuasa mencadangkan JPNS mewujudkan Jawatankuasa khas untuk mengkaji beberapa situasi seperti mengkaji hak milik tanah PNSB yang masih mempunyai status kediaman dengan 30 tahun pajakan, jaminan daripada YAB Dato' Menteri Besar ke atas tanah yang berstatus kediaman akan ditukar menjadi pertanian dan kebarangkalian untuk petani luar yang jumlahnya melebihi peserta TKPM bergabung di bawah program yang sama. Dengan ini dapat meluaskan kawasan yang diusahakan di dalam Taman Kekal Pengeluaran Makanan.

Jabatan Pertanian Negeri Selangor perlu memberi tumpuan yang lebih dalam mengaplikasikan penanaman tanaman berteknologi tinggi. Kepentingan utama hendaklah turut fokus kepada pemilihan tanaman dan tanah yang bersesuaian. Sekiranya ia tidak diberikan keutamaan, Kerajaan Negeri terpaksa menyediakan peruntukan untuk memperbaiki dan memakan masa. Peserta juga harus mempunyai motivasi yang tinggi untuk menyertai program ini.

Y.Bhg. Datin Paduka Ungku Arfah binti Ungku Tahir memaklumkan kepada Jawatankuasa bahawa mengikut polisi Jabatan Perairan dan Saliran (JPS) sebarang pembangunan di kawasan banjir adalah tidak digalakkan. Sekiranya kawasan TKPM ini perlu ditutup, Kerajaan Negeri perlu mencari alternatif lain supaya peserta tidak menanggung kerugian atau mereka dipindahkan ke kawasan baru.

Jawatankuasa mengarahkan Jabatan Pertanian Negeri Selangor mengkaji keseluruhan projek Taman Kekal Pengeluaran Makanan kerana didapati objektif penubuhannya untuk mencapai pertanian melalui penggunaan teknologi tidak tercapai. Y.B. Tuan Pengerusi turut mencadangkan mengaplikasi pertanian moden atau *agro tourism*, peringkat demi peringkat, terutama di Taman Kekal Pengeluaran Makanan yang tidak mencapai sasaran yang ditetapkan. Selain daripada menekankan projek pertanian yang mempunyai nilai-nilai komersial, Jabatan Pertanian Negeri Selangor turut dicadangkan agar mewujudkan koperasi bagi peserta-peserta Taman Kekal Pengeluaran Makanan, di mana ini dapat menjaga hak peserta dalam menentukan harga pasaran.

2.2 Jabatan Agama Islam Negeri Selangor

- Pengurusan Kelas Al-Quran dan Fardhu Ain (KAFA).

Pelantikan semula 30 Penyelia gred S17 telah dibuat dan perjanjian telahpun ditandatangani. Gaji penyelia di bayar oleh Kerajaan Persekutuan melalui JAKIM dan turut dibantu oleh Kerajaan Negeri. Bagi Guru KAFA yang bertaraf sambilan, elauan masih dibayar termasuk cuti bersalin dan turut diberikan perlindungan insurans. Pihak JAIS juga turut menyediakan fail peribadi bagi memudahkan penyimpanan rekod guru-guru KAFA.

Permasalahan masa mengajar Guru KAFA iaitu purata 15 jam seminggu tidak mencapai garis minimum yang ditetapkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam bagi membolehkan jawatan guru sambilan KAFA dinaik taraf ke jawatan tetap. Sekiranya dibenarkan, Pihak JAIS boleh mengubahsuai silibus KAFA bagi memenuhi garis panduan tersebut memandangkan hanya sedikit perbezaan antara masa mengajar guru KAFA dan guru di Kementerian.

Bahagian Pendidikan Islam (BPI), tidak mempunyai kuasa untuk menetapkan jumlah yuran KAFA tetapi sebaliknya ia dikawal dan dipantau bagi memastikan kutipan yuran tersebut itu selaras dengan kos operasi sesebuah KAFA memandangkan kos pengoperasian KAFA adalah berbeza antara bandar dan luar bandar.

JAIS tidak menafikan terdapat sebilangan kecil pemilik KAFA mengaut keuntungan hasil daripada kutipan yuran yang dikenakan. JAIS memandang serius perkara tersebut dan pemantauan dilakukan dengan menghantar naziran bagi memeriksa aliran kewangan kepada JAIS untuk semakan. Sekiranya didapati KAFA tersebut bercorak pengurusan swasta, pengiktirafan daripada JAIS akan ditarik balik dan status KAFA tersebut ditukar kepada Sekolah Islam Swasta.

Turut diakui terdapat beberapa kelemahan di dalam pengurusan JAIS. Antaranya, kegagalan dalam mengikuti prosedur oleh penyelia-penyelia dalam menyemak kehadiran guru-guru bertugas dan ketidakpekaan terhadap notis perletakan jawatan oleh guru-guru menyebabkan berlakunya gaji terlebih bayar kepada guru yang tidak bertugas. Kegagalan guru-guru mengemukakan notis perletakan jawatan turut menyumbang kepada permasalahan tersebut.

Tuan Mohd Azizi memaklumkan kemungkinan berlakunya penipuan sekiranya penyediaan penyata gaji dibuat secara manual. Y. Bhg. Datin Paduka Ungku Arfah turut memaklumkan memandangkan pembayaran gaji dibuat melalui sistem *payroll*, sepatutnya guru tidak bertugas perlu

maklumkan kepada JAIS bagi membolehkan gaji diberhentikan. Pemberhentian gaji juga boleh dilakukan sekiranya maklumat diperoleh sebelum tarikh akhir gaji. Bagaimanapun sistem ini akan diperbaiki dari semasa ke semasa.

Jawatankuasa ini melihat ada usaha yang diambil oleh JAIS dalam mengatasi masalah-masalah yang dihadapi dan berharap JAIS akan terus maju di masa akan datang dan Jawatankuasa ini akan melakukan pemantauan dari masa ke semasa.

2.3 Jabatan Perhutanan Negeri Selangor

- *Pengurusan Hutan – Kepentingannya Kepada Alam Sekitar*

Isu pengurusan hutan di Negeri Selangor adalah berkaitan keluasan hutan simpan, lesen pengeluaran hasil hutan, pengeluaran permit penggunaan dan penerokaan haram atau pendudukan tanpa kebenaran.

Malaysia menetapkan sasaran 50% untuk mengekalkan hutan tetapi sukar untuk dicapai. 30% merupakan peratusan yang sesuai sebagai bagi mengekalkan kawasan hutan. Kawasan hutan simpan tidak berhutan terbahagi kepada penerokaan haram / pendudukan tanpa kebenaran, permit penggunaan, arahan Kerajaan terkini adalah supaya dibatalkan semua permit penggunaan dan projek Penghutanan Semula Hutan Ladang Hutan Getah. Hutan Simpan Kekal tidak berhutan ialah ±3% daripada 30.5% kawasan hutan di Selangor.

Kelulusan lesen mengeluarkan hasil hutan dalam kawasan hutan simpan perlu mendapat kelulusan MMKN. Kawasan hutan tanah kerajaan boleh mendapat keputusan daripada MMKN ataupun keputusan Y.A.B. Dato' Menteri Besar. Bagi Lesen Pemindah Hasil Hutan dari tanah berimilik, kelulusan adalah daripada Pengarah Perhutanan Negeri. Namun begitu terdapat sesetengah kes yang dibawa ke MTES untuk diputuskan statusnya.

SMS (*Selective Management System*) merupakan sistem yang digunakan untuk memelihara hutan, di mana tidak semua pokok akan ditebang dan *rotation* nya akan kembali seperti sedia kala selepas 30 tahun.

Hutan Raja Musa sehingga kini belum digazetkan sebagai Hutan Pelindungan. Buat masa ini Kerajaan Negeri telah memutuskan tidak membenarkan sebarang aktiviti pertanian di Hutan Simpan Raja Musa.

Sementara itu bagi status tanah di Hutan Simpan Sungai Kapar, terdapat 46 peneroka yang telah mempunyai TOL dan Hak Milik Sementara 99 tahun. Geran dan TOL telah diberikan berdasarkan kelulusan MMKN. Sekiranya geran hak milik telah dikeluarkan ianya dianggap sah dan hanya Mahkamah Tinggi yang boleh membatalkan geran tersebut. Pejabat Daerah/Tanah perlu membuat kertas cadangan untuk revoke keluar kepada MMKN, ataupun Kerajaan Negeri perlu kaveat tanah tersebut untuk kepentingan alam sekitar untuk menjatuhkan nilai tanah bagi membolehkan pemilik tanah *surrender*. Bagaimanapun, Kerajaan Negeri tetap perlu membayar gantirugi tersebut.

Disebabkan pembalakan tidak lagi dibenarkan. Hasil Jabatan Perhutanan Negeri Selangor bergantung kepada aktiviti hasil hutan iaitu lesen kuari. Terdapat 10 kuari yang berpotensi di dalam hutan simpan telah diluluskan tetapi hanya 8 sahaja kuari yang beroperasi. Tempoh diberi hingga penghujung 2010 kerana termasuk dalam kawasan Taman Negeri Selangor. Royalti yang dikutip adalah sama seperti yang dicajkan oleh Pejabat Daerah/Tanah, tetapi Jabatan Perhutanan Negeri Selangor mengenakan caj pembangunan hutan yang dinamakan kutipan Ses, dengan kadar 10% daripada royalti. Peratusan tersebut akan digunakan untuk memulihkan kawasan tersebut sekiranya kuari diarahkan tutup.

MMKN sebelum ini pernah menurunkan kuasa kepada Pengarah Perhutanan Negeri melalui Jawatankuasa Hasil Hutan Jabatan (JHHJ) untuk mempertimbangkan kelulusan kurang daripada 20 ha tanah tidak melibatkan tebangan pokok dan kurang daripada 5 hektar melibatkan tebangan pokok. Aktiviti yang dijalankan adalah seperti yang dinyatakan pada seksyen 34 Akta Perhutanan Negara. Walaubagaimanapun MMKN di bawah pentadbiran baru telah membatalkan keputusan penurunan kuasa tersebut. Semua permohonan permit penggunaan perlu di angkat kepada MTES untuk pertimbangan.

Jabatan Perhutanan menempatkan pegawai dan balai pemeriksa hutan di setiap kawasan pengeluaran kuari. Setiap lori diperiksa dengan teliti dan akan dikeluarkan satu dokumen yang dinamakan pas pemindah untuk menunjukkan hasil kecil hutan (kuari) tersebut telah dibayar cukai. Sekiranya berlaku penipuan cukai, sebuah lori akan dikompaun pada kadar yang tinggi walaupun melibatkan pelanggaran peraturan kecil.

Pengurusan kuari dalam hutan simpan adalah mengikut peraturan dalam Kaedah-kaedah Hutan Negeri Selangor.

Aktiviti pencerobohan /Penerokaan hutan / Pendudukan Haram dalam hutan simpan hingga April 2008 melibatkan penanaman kelapa sawit, dusun padi, kolam ikan dan udang serta lain-lain aktiviti pertanian. Penanaman kelapa sawit diklasifikasikan sebagai *tree cover*, bukan *forest cover*. FAO menerima penanaman getah sebagai *forest cover*. Terdapat juga pembinaan infrastruktur yang tidak mendapat kebenaran seperti rumah-rumah kecil, tokong, dewan dan rumah.

Susulan daripada lawatan Jawatankuasa khasnya di Hutan Simpan Kekal Sungai Kapar, JPNS telah membuat pengecaman kawasan ganti untuk Hutan Simpan Kapar Tambahan dibuat oleh Jabatan Perhutanan negeri Selangor menggunakan imej satelit pada tahun 2007. Kawasan ganti ini berhutan paya bakau dan tiada ditunjukkan dalam Peta Topo Jabatan Ukur dan Pemetaan (dikeluarkan pada awal 1990an) kerana tanah ini merupakan tambakan tanah baru secara semula jadi selepas peta berkenaan dikeluarkan.

Jabatan Perhutanan mencadangkan kepada MMKN kawasan ganti yang lebih besar keluasannya dengan mengambil kira dasar Kerajaan Negeri untuk mengadakan kawasan Hutan Simpanan Kekal sekurang-kurangnya 30% daripada keluasan tanah di negeri ini.

Pengeluaran notis atau saman ke atas pemilikan tanah di kawasan tersebut tidak dapat dipastikan. JPNS memaklumkan akan menjalankan siasatan berhubung dakwaan terdapat pencerobohan sebahagian kawasan hutan simpan oleh pengusaha hotel dan pusat penternakan benih udang. Sekiranya ia benar tindakan akan diambil. Jawatankuasa turut dimaklumkan kes akan disiasat satu persatu memandangkan kekurangan tenaga kerja di JPNS.

Jawatankuasa juga telah mendapatkan penjelasan beberapa isu yang dibangkitkan berhubung Hutan Simpan Kekal Sungai Kapar

➤ **Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Selangor (PDTKS)**

Jawatankuasa mengambil maklum kertas permohonan pemberimilikan 46 hak milik tanah di angkat ke MMKN walaupun tidak mendapat ulasan daripada Jabatan Perhutanan Negeri Selangor dan ia diangkat berdasarkan keputusan MMKN pada 25 Januari 1989 yang bersetuju untuk mewarta keluar tanah seluas 69 hektar di Hutan Simpan Sungai Kapar Tambahan.

PDTKS telah menyedari berlakunya kesilapan dalam pemberimilikan disebabkan oleh kekeliruan di antara keputusan MMKN dan perwartaan keluar oleh JPNS. Beberapa penyelesaian telah dicadangkan iaitu:

- a. Mendapatkan pandangan dan ulasan bertulis daripada Yang Berhormat Penasihat Undang-undang Negeri berhubung status tanah yang telah diberi milik dan telah didaftar. Sebarang keputusan membatalkan atau terbatalnya hakmilik akan dirujuk ke Mahkamah Tinggi sekiranya perlu. Pejabat Daerah/Tanah tidak mempunyai kuasa untuk membatalkan hakmilik tanah yang telah diberi milik.
- b. Mcadangkan kepada Kerajaan Negeri atau JPNS untuk mewarta keluar kawasan-kawasan Hutan Simpan Kapar Tambahan yang telah diberi milik dan didaftarkan. Sekiranya ia dipersetujui, PDTKS akan berbincang dengan individu terlibat untuk menyerahkan semula pemilikan bagi memudahkan proses pemberimilikan semula kepada pemilik.
- c. Pemantauan terus oleh JPNS bagi memastikan tanah-tanah hutan simpan tidak diceroboh samada untuk tujuan pertanian maupun kediaman.

Pegawai Daerah mengakui terdapat 3 bangunan rumah burung walit di atas tanah pertanian dan ianya dalam tanah hutan simpan. Makluman telah dipanjangkan ke Jabatan Perhutanan Negeri Selangor untuk tidak selanjutnya memandangkan kawasan tersebut di luar bidang kuasa PDTKS

➤ Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS)

Tuan Yang Dipertua memaklumkan sebelum 2006, kawasan Hutan Simpan Sungai Kapar adalah diluar kawasan MDKS. Oleh itu, sebarang kebenaran merancang atau pembangunan tidak tertakluk kepada kepada MDKS sebaliknya di bawah bidang kuasa Jabatan Perancang Negeri. Selepas perwartaan kawasan MDKS pada 2006, kawasan Hutan Simpan Kekal Sungai Kapar telah berada dalam kawasan pentadbiran MDKS sahaja. Oleh itu, sebarang aktiviti pembinaan bangunan tidak dirujuk kepada MDKS.

Jawatankuasa dimaklumkan proses pemutihan bagi rumah burung walit terpaksa ditangguhkan memandangkan Undang-undang Kecil Burung Walit belum diluluskan dan diwartakan. MDKS hanyalah menggunakan garis panduan untuk permohonan membina rumah burung walit di kawasan komersial dan kawasan pertanian. Untuk itu,

MDKS hanya dapat mengeluarkan notis kacau ganggu sekiranya terdapat aduan dan melibatkan kepentingan awam.

Setiap permohonan bagi mendapatkan lesen burung walit akan disemak butiran termasuk status tanah sebelum lesen dikeluarkan. Rumah burung walit di kawasan Hutan Simpan Kekal Sungai Kapar adalah tidak dilesenkan.

Tuan Haris memaklum perumahan setinggan di kawasan Hutan Simpan Kekal adalah diluar kawasan MDKS. Bagi operasi rumah setinggan di atas tanah kerajaan diluar kawasan majlis akan diketuai oleh Pejabat Tanah dan Galian. Pihak Majlis bertindak sebagai agensi sokongan dari segi logistik dan bantuan membersihkan kawasan setinggan tersebut.

Jawatankuasa mengambil maklum bagi kawasan hutan yang telah diwarta keluar dan telah diberi milik boleh memohon untuk berada di dalam kawasan operasi MDKS melalui syor daripada MDKS atau permohonan daripada penduduk setempat.

2.4. Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor (JPS)

- Projek Tebatan Banjir di Kawasan Shah Alam, Daerah Petaling

Laporan banjir yang dicatatkan merangkumi kedua-dua kejadian iaitu apabila berlakunya hujan lebat dan jika dilaporkan banjir di sesetengah kawasan samada di bandaran ataupun diluar bandaran. Sistem pengukur air sungai dibahagikan kepada tiga paras iaitu amaran, berjaga-jaga dan bahaya. Sekiranya ia melepas paras bahaya ia dikategorikan sebagai kejadian banjir.

- i. JPS Selangor hanya merekod dan memantau banjir yang melibatkan sungai dan Parit Monsun. Bagi masalah banjir taman yang disebabkan oleh perparitan ia akan dipantau oleh Jurutera JPS Daerah. Bagaimanapun JPS Selangor akan memberikan khidmat nasihat sekiranya diperlukan.
- ii. JPS telah menyediakan pelan induk saliran yang menetapkan mana-mana pembangunan pembandaran perlu menggunakan pelan induk ini terutamanya sistem perparitan bagi mengelak banjir berlaku. Walaubagaimanapun disebabkan kekangan kewangan, hanya Pelan Induk Saliran Daerah Klang yang telah disiapkan dan beberapa daerah lain masih dalam penyediaan.

- iii. JPS juga sedang dalam kajian untuk memperkenalkan satu konsep *“Living with Flood”* yang mana JPS akan menyediakan satu Pelan Risiko Banjir (*Flood Risk Map*) untuk orang awam. Konsep ini juga boleh diguna pakai oleh Syarikat Insuran untuk menentukan jumlah premium yang sewajarnya mengikut tahap risiko banjir sesuatu kawasan terutamanya dataran banjir. Pelan ini akan dibentangkan kepada Kerajaan Negeri dan terpulang kepada Kerajaan samada untuk mewartakannya kepada orang awam atau untuk kegunaan agensi sahaja.

Jabatan Audit Negeri Selangor berpuas hati dengan tindakan yang telah diambil dan yang sedang diambil dalam menangani masalah banjir yang berlaku walaupun terdapat kekangan peruntukan dan kakitangan yang perlu dihadapi oleh JPS. Bagaimanapun, Y.B. Tuan Mat Shuhaimi Hj Shafiei berpendapat tindakan adalah lebih proaktif sekiranya dikoordinasikan bersama Pihak Berkuasa Tempatan dan agensi-agensi lain. Beberapa persoalan telah ditimbulkan oleh Y.B. Tuan Mat Shuhaimi dan telah dijelaskan oleh Pengarah JPS Selangor seperti berikut :-

- i. Projek persekutuan di Sungai Damansara ia dikendalikan oleh JPS-MSC dengan peruntukan persekutuan. Terdapat satu prosedur diantara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri yang menetapkan JPS-MSC perlu menjaya jalankan dan menyelenggara projek dalam tempoh 2 tahun sebelum diserahkan kepada JPS Negeri untuk diuruskan. JPS Negeri akan memohon peruntukan mengurus dasar baru untuk mengambil alih penyelenggaraan projek Sungai Damansara mulai tahun 2013.
- ii. JPS mengambil maklum dan akan memantau kontraktor-kontraktor yang melaksanakan projek untuk mematuhi syarat-syarat dan keperluan sesebuah projek termasuklah menyediakan lencongan perparitan. JPS mengakui kekurangan kakitangan menyebabkan sesuatu projek itu kurang pengawasan dan sekiranya di dapati pihak kontraktor tidak memenuhi dan mematuhi syarat tersebut maka suatu amaun boleh ditolak daripada kontraknya.
- iii. Jawatankuasa dimaklumkan, kecurian pam di Kampung Bukit Lancang Tengah, Daerah Petaling, JPS telah pun menyelesaikan pelupusan mengikut prosedur yang ditetapkan dan status terkini JPS sedang dalam proses membuat permohonan untuk menggantikan pam tersebut.

- iv. Air pasang besar di Pelabuhan Klang berlaku kerana fenomena dipanggil 'bulge' yang mana ketinggian air pasang melebihi daripada kawasan-kawasan lain di Selat Melaka. Disamping itu, faktor dataran sungai yang landai menyebabkan jangkauan air pasang (*tidal effect*) hingga ke Shah Alam. Untuk menampung kesan air pasang ini, ban-ban telah dibina di Sungai Klang untuk mengawalnya.
- v. JPS tertakluk di bawah Enakmen Pengairan dan Saliran 1949 yang bertanggungjawab ke atas perparitan dan saliran sawah padi sahaja. Walaubagaimanapun bidang kuasa JPS kini telahpun merangkumi sungai dan pantai. Ini menyebabkan JPS terpaksa menumpang undang-undang lain untuk menjalankan fungsinya. Kerajaan Persekutuan sedang dalam perbincangan dan kajian untuk mewujudkan *River Law* dan *Water Resources Enactment* yang mungkin boleh diguna pakai di peringkat Kerajaan Negeri juga.

Pelan Risiko Banjir wajar di war-warkan kepada rakyat selain daripada sistem hebahan dalam tempoh 24 jam sebagai persediaan untuk menghadapi banjir.

Susulan daripada teguran audit berhubung kerja-kerja pembaikan yang perlu di perbetulkan, JPS telahpun menyelesaiannya secara perolehan kecil pada tahun 2009. Jawatankuasa turut dimaklumkan, kini terdapat beberapa forum untuk mengordinasi projek diantara agensi dan pihak swasta. Antara yang efektif di bawah OSC dan Mesyuarat Ahli Majlis Jawatankuasa Infrastruktur Awam yang mengumpulkan semua agensi terbabit. JPS akan membentangkan Pelan Induk Saliran di peringkat daerah yang melibatkan PBT.

Mesyuarat mengambil maklum saranan daripada Bendahari Negeri berhubung pematuhan peraturan kewangan di mana dalam TI, sesebuah jabatan boleh memohon pengecualian pematuhan prosedur kewangan daripada Pihak Berkuasa Negeri sekiranya terdapat krisis jangka masa pendek yang perlu diselesaikan segera.

Jawatankuasa berharap permasalahan kakitangan dan peruntukan dapat diselesaikan segera serta kordinasi dan pemantauan dapat ditingkatkan agar kualiti hidup boleh ditingkatkan dengan kerjasama JPS.

3 LAWATAN / AKTIVITI LUAR

- 3.1. Selaras dengan Laporan Ketua Audit Negara Negeri Selangor Bagi Tahun 2008 , Ahli-ahli Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam Negeri Selangor juga telah mengadakan lawatan ke beberapa tempat seperti berikut:-
- i. Taman Kekal Pengeluaran Makanan Sungai Blankan & Bukit Changgang
- 25 Februari 2010
 - ii. Taman Kekal Pengeluaran Makanan Sungai Panjang & Hulu Yam
- 4 Mac 2010
 - iii. Hutan Simpan Kapar dan Hutan Simpan Raja Muda Musa
- 10 Jun 2010

4. PERAKUAN

Laporan Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri Selangor ke atas Laporan Ketua Audit Negara Negeri Selangor bagi tahun 2008 dengan ini dibentangkan kepada Dewan Negeri Selangor untuk penerimaannya mengikut Peraturan Tetap 76(5).

Jawatankuasa mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Pegawai Kewangan Negeri Selangor, Pengarah Audit Negeri Selangor, Timbalan Pegawai Kewangan Negeri Selangor, Bendahari Negeri Selangor, Penolong Pegawai Kewangan Negeri Selangor serta pegawai dari Jabatan Audit Negeri Selangor atas kerjasama mereka membantu Ahli-ahli Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri Selangor semasa membuat pemeriksaan dan penyediaan laporan ini. Terima kasih juga diucapkan kepada Ketua Jabatan Kerajaan Negeri Selangor yang telah hadir dalam mesyuarat Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri.



(Y.B. TUAN LEE KIM SIN)

Pengerusi

Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri Selangor

Dewan Negeri Selangor
Julai 2011

C

O

C

C

C

C

C

C

C

C

C

C

C

Senarai Ahli-ahli Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri Selangor yang telah dilantik bagi Penggal Dewan Negeri Selangor Kedua Belas adalah terdiri daripada:-

- | | | |
|-------|-------------------------------------------------------------------------------------------|--------|
| (i) | Y.B. Tuan Lee Kim Sin
(Ahli Dewan Negeri Kawasan Kajang) | - Ahli |
| (ii) | Y.B. Tuan Ng Suee Lim
(Ahli Dewan Negeri Kawasan Sekinchan) | - Ahli |
| (iii) | Y.B. Tuan Mat Shuhaimi bin Shafiei
(Ahli Dewan Negeri Kawasan Sri Muda) | - Ahli |
| (iv) | Y.B. Tuan Dr. Cheah Wing Yin
(Ahli Dewan Negeri Kawasan Damansara Utama) | - Ahli |
| (v) | Y.B. Tuan Dr. Ahmad Yunus bin Hairi
(Ahli Dewan Negeri Kawasan Sekinchan Sijangkang) | - Ahli |
| (vi) | Y.B. Dato' Haji Mohd Shamsudin bin Haji Lias
(Ahli Dewan Negeri Kawasan Sungai Burong) | - Ahli |
| (vii) | Y.B. Datuk Johan bin Abdul Aziz
(Ahli Dewan Negeri Kawasan Semenyih) | - Ahli |

Urus Setia:

- i) Encik Mohamad Yasid bin Bidin
(Setiausaha Bahagian Dewan / MMKN)
- ii) Puan Noor Asdiana bt. Abd. Kadir
(Ketua Penolong Setiausaha Dewan Negeri Selangor)
- iii) Puan Noor Diana binti Razali
(Penolong Setiausaha Dewan Negeri Selangor)
- iv) Puan Mazian bt. Manan
(Penolong Setiausaha MMKN Negeri Selangor)
- v) Puan Siti Salbiah binti Masri
(Penolong Pegawai Tadbir Dewan Negeri Selangor)
- vi) Cik Noor Syazwani bt. Abd. Hamid
(Setiausaha Pejabat)
- vii) Cik Siti Salina bt. Muftar
(Setiausaha Pejabat).

Pegawai-Pegawai Yang Turut Hadir Dalam Mesyuarat:

- i) Encik Shamsul Azri bin Abu Bakar
Timbalan Pegawai Kewangan Negeri
- ii) Encik Mohd Azizi bin Mohd Zain,
Bendahari Negeri Selangor
- iii) Y.M. Datin Paduka Ungku Arfah bt. Ungku Tahir
(Pengarah Audit Negeri Selangor) (telah bersara)
- iv) Puan Ang Nai Har
(Pengarah Audit Negeri Selangor)
- v) Encik Roslan bin Abu Bakar
Timbalan Pengarah Audit Negeri Selangor
- vi) Puan Nik Azrimah bt Abdul Ghafar
Ketua Penolong Bendahari Negeri
- vii) Puan Lai Seck Yin
Penolong Pengarah Audit (N) Negeri Selangor
- viii) Encik Romli bin Kassim
Juruaudit Negeri Selangor
- ix) Encik Kamarulzaman bin Harun
Juruaudit Negeri Selangor
- x) Encik Jol B Jamil
Juruaudit Negeri Selangor